CANANG
—JUNE 2019

"Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.
Kita tidaklah keberatan untuk merendah diri, dengan saiz kita yang kecil. Namun walau kecil, di sisi Allah, kita belum tentu kecil, kerana Allah mungkin menilai kita lebih besar, kerana kita sentiasa membesarkanNya. Lidah kita sentiasa basah dengan kalimat: "Allahu Akbar" (Allah Maha Besar).
Adalah menjadi lumrah dunia, sesiapa yang kecil di mata manusia, akan mudah saja menjadi mangsa buli. Ini, telah dan sedang berlaku di mana-mana saja.
Jika perkara ini turut berlaku keatas kita, maka seeloknya kita mengambil sikap sabar, sambil konsisten memegang kuat 'Tali Allah' atau UgamaNya dan mengelakkan perpecahan sesama kita, sebagaimana Allah menggesa di dalam Surah Al-'Imran, Ayat 103, tafsirnya:
"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada Tali Allah (Ugama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah."
Lebih-lebih lagi perpaduan itu diperlukan ialah, ketika kita mengalami pelbagai ujian. Lagi besar atau berat ujian, lagi bertambah penting perpaduan itu.
Dengan perpaduan, segala kepentingan akan terpelihara, dan benteng kita juga akan bertambah kukuh, untuk menolak segala bentuk fitnah atau probokasi yang datang dari mana saja.
Tugas utama kita ialah, untuk membuktikan, bahawa Brunei Darussalam adalah sebuah negara moden lagi bertamadun. Buminya indah permai, aman dan menyeronokkan, bukan menakutkan. Rakyat hidup bersatu padu, bahagia dan harmoni tanpa sebarang pertelingkahan. Ia dikawal oleh undang-undang yang adil, dengan semua hak siapa saja, dijaga dan ditunaikan, sehingga, tiada sesiapapun individu yang teraniaya.
Akhirnya, Beta dan keluarga Beta sukacita mengambil peluang mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya 'Idil Fitri kepada sekalian rakyat dan penduduk di mana saja mereka berada. Semoga sambutan pada tahun ini disambut dalam suasana lebih meriah dan penuh kegembiraan.
Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
HARI RAYA 'IDIL FITRI
BAGI TAHUN 1440H / 2019M

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Jun 2019 - Dengan harapan supaya dapat membantu meringankan beban keluarga-keluarga yang memerlukan, dan memberi keceriaan dan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut bulan Ramadan serta Hari Raya Aidilfitri nanti, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Kumpulan Syarikat Hua Ho mengadakan Majlis Bersungkai dan Penyerahan Sumbangan Derma kepada golongan yang memerlukan bantuan. Sumbangan baucar berjumlah BND30,000.00 telah diserahkan kepada 300 penerima yang terpilih hasil sumbangan Syarikat Kumpulan Hua Ho. Majlis turut diserikan dengan bacaan tahlil beramai-ramai, Doa Tahlil dan Doa Selamat dipimpin oleh Pelatih Latihan Industri Pusat Bahagia, Awang Khairul Anwar bin Haji Abdul Ghaffar.

[Foto: Mohd Azmi Awang Damit—Penerangan]

SERIA, Ahad, 2 Jun 2019 - ***"PROJEK KAMI PEDULI BANTU 40 KELUARGA"***—Inisiatif bekas Peserta Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-45 dengan kerjasama Hand4handbn dan disokong oleh Progresif Cellular Sdn. Bhd; Gemarlapan Management; Jaya Centrepoint Hypermart Sdn. Bhd; Brave Han Enterprise dan Shine Cycle Studio, menghulurkan sumbangan kepada 40 keluarga kurang berkemampuan di Daerah Tutong dan Daerah Belait.

[Foto: Noraisah Haji Muhammed - Penerangan]

BERAKAS, Ahad, 2 Jun 2019 - Penyampaian Derma Anak-anak Yatim dan OKU untuk membantu perbelanjaan mereka sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

[Foto: Mohd Azmi Awang Damit—Penerangan]

[Foto: Hernie Suliana Haji Othman - Penerangan]

03 JUN 2019 (ISNIN)

MAJLIS BERSUNGKAI BERSAMA MURID DAN PELATIH PUSAT BAHAGIA DAERAH BRUNEI MUARA TAJAAN SYARIKAT YMRM TEXTILES, DI DEWAN IMTIYAZ, PUSAT BAHAGIA BRUNEI MUARA

04 JUN 2019 (SELASA)

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN PROGRAM JALINAN TAQWA, ANJURAN PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS (PKWE), TUTONG

08 JUN 2019 (SABTU)

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

RUMAH TERBUKA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

[13.06.19]
KUNJUNGAN HORMAT DUTA THAILAND
PUAN YANG TERUTAMA WANTHANEE VIPUTWONGSAKUL

[16-17.06.19]
MAJLIS KONGRES BELIA KEBANGSAAN
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Jun 2019 — Majlis Perasmian Kongres Belia Kebangsaan (KBK) 2019 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Adalah diharapkan KBK 2019 ini akan menjadi satu permulaan transformasi bagi belia bergerak secara bersatu untuk memajukan negara ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035. Belia-belia pada masa kini lebih berani tampil ke hadapan dan telah berjaya menjadi '*pioneer*' dalam bidang terpilih termasuk dalam kesukarelawanan, perkhidmatan awam, bidang kreatif dan keusahawanan sehingga mampu mengambil peluang bagi meluaskan skop pencapaian secara *'cross border'.* Kongres bertemakan "Bersama Mencorakkan Masa Hadapan Kita" diisikan dengan tiga sesi forum bertajuk "Belia Siaga Masa Depan"; "Penglibatan Belia"; dan "Keusahawanan" dengan kehadiran ahli-ahli panel yang dijemput dari pelbagai agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia dan juga usahawan tempatan yang berjaya. Lebih 550 belia menyertai KBK 2019 yang dibahagi kepada 2 bahagian iaitu penyertaan forum dan juga sesi bengkel selari (Bengkel Parallel).

[Foto: Hernie Suliana Haji Othman - Penerangan]

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Jun 2019 - Peserta Kongres Belia Kebangsaan (KBK) kali kedua diraikan dengan Majlis Makan Malam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. KBK telah berjaya menarik lebih ramai penyertaan belia dari pelbagai latar belakang kumpulan yang terdiri dari golongan profesional muda dari sektor awam dan swasta; ahli-ahli yang aktif di dalam Majlis-majlis Pelajar di institusi-institusi pendidikan; pergerakan-pergerakan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO); lepasan graduan dan pencari-pencari kerja; penuntut-penuntut yang mencapai kecemerlangan di dalam bidang akademik dan ko-kurikulum termasuk golongan individu berkeperluan khas. Juga diadakan pada majlis malam tersebut sesi kongsi sama dengan Founder and President 77th Street (s) PTE LTD, Dayang Elim Chew, penceramah jemputan dari Singapura yang telah menyampaikan ceramah bertajuk *"Youth as Game Changer – Promoting Youth Participation and Community Change"*. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada para penceramah.

[17.06.19]
Kunjungan Mr Tony Caktiong
Chairman of Jollibee Foods Corporation

[18.06.19]
KUNJUNGAN HORMAT DUTA MALAYSIA
TUAN YANG TERUTAMA ISMAIL BIN HAJI SALAM
PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA

[19.06.19]
KUNJUNGAN
MRS KHUNYING PATAMA LEESWADTRAKUL
CHAIRMAN OF THE BADMINTON ASSOCIATION OF THAILAND

LABI, Ahad, 23 Jun 2019— Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Labi dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labi I dan Labi II jelas membuktikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang mempunyai keunikan budaya dan bangsa dengan identiti masing-masing yang sentiasa hidup dalam keadaan aman, harmoni dan bersatu padu. Majlis tersebut diadakan di kediaman Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Sahri bin Ahmad. Majlis seumpama ini dapat memupuk semangat perpaduan dan mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk Mukim Labi yang berbilang kaum, berbual mesra dan bermaaf-maafan di antara satu dengan yang lain, memupuk keharmonian, keamanan dan perpaduan bagi mewujudkan interaksi sosial yang sihat untuk membangun kampung ke hadapan. Majlis antara lain bertujuan untuk mewujudkan satu kumpulan kerja berpasukan di peringkat kampung dengan menanam sikap bantu membantu dan bersatu hati bagi menjayakan majlis.

Raikan Aidilfitri Bersama Warga Emas

Bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) tidak lupa mengadakan sambutan hari raya untuk memberikan peluang kepada keluarga, sanak saudara, rakan-rakan dan sahabat handai untuk saling bermaaf-maafan juga mengukuhkan ukhuwah silaturahim di antara yang jauh dan dekat. Pelbagai jenis persembahan diadakan untuk menyerikan lagi majlis tersebut. Majlis antara lain bertujuan untuk melahirkan rasa kesyukuran dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama warga emas dari keempat-empat daerah dalam suasana yang harmoni.

[24.06.19]
PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS LAMBAK KANAN

Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

[25.06.19]
PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS TUTONG

[28.06.19]
PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS TEMBURONG

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Jun 2019 - Majlis Perasmian Pameran Lukisan ***'Blue Therapy'*** yang mengetengahkan Pameran 'Adizain Solo Art Exhibition 2019' dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula 22 Jun hingga 6 Julai bertempat di Galeri Seni, Dermaga Diraja. Menurut Awang Haji Mahaddi bin Haji Matzin atau lebih dikenali sebagai Adizain dalam kalangan penggiat seni lukis tanah air kerap menggunakan warna kebiruan dalam karya seni beliau kerana ia memberikan kesan impak positif dan keamanan, dapat membantu melegakan minda dan badan dan juga boleh membawa ketenangan. Lukisan juga seperti seni lain, memiliki kesan terapeutik, selain juga sebagai saluran kepada pembebasan emosi, begitu juga warna-warna yang mampu dan memiliki kuasa mempengaruhi emosi. Lukisan yang bertemakan ***'Blue Therapy'*** berkenaan, antara lain mengetengahkan bagaimana seni dapat membantu orang untuk berhubung dan menangani emosi terapi, di samping dapat mengurangkan tekanan, meningkatkan ketenangan pada pandangan mata penonton yang datang menyaksikannya. Jiwa 'Blue Therapy' yang diapresiasi oleh beliau memperlihatkan ketenangan dan rasa harmoni yang berasosiasi dengan alam kesejukan laut dan kedinginan langit, selain ekspresi pelukis juga turut menggambarkan rasa emosi 'biru' dalam dirinya yang rindu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun 2019 - Syarikat Total, melalui Program Tanggungjawab Perkhidmatan Korporat syarikat menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi meraikan murid dan pelatih juga tenaga pengajar Pusat Bahagia Brunei Muara, Kampung Pulaie. Acara seumpama itu merupakan kerjasama kali pertama di antara pusat tersebut bersama Syarikat Total yang diharap dapat diteruskan pada masa akan datang yang boleh memberikan keceriaan kepada golongan yang memerlukan dalam sama-sama menyambut kemeriahan Syawal.

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN CENDERAMATA KEPADA PESARA-PESARA PEGAWAI & KAKITANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA BAGI TAHUN 2018

&

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 1440H/2019M

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Jun 2019— Seramai 42 pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bersara pada tahun 2018 menerima sijil dan cenderamata masing-masing pada majlis yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, dalam ucapan alu-aluannya, merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas segala khidmat bakti, pengorbanan dan komitmen yang dicurahkan dengan penuh dedikasi sepanjang tempoh berkhidmat di bawah pentadbiran kementerian itu. Majlis juga diselajurkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda syukur sebagai Muslimin setelah menjalankan puasa fardu Ramadan dan kejayaan warga KKBS dalam mengelolakan pelbagai acara keagamaan juga program-program yang bermanfaat bagi belia dan masyarakat di sepanjang bulan tersebut. Majlis ini dapat membantu menerapkan nilai-nilai positif dalam hubungan kekeluargaan dalam kalangan warga KKBS, di samping sebagai salah satu kegiatan sosial berkebajikan yang dapat mewujudkan keharmonian, memberi keceriaan dan peluang untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga kerja, terutamanya pegawai juga kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Jun 2019 - Majlis Perasmian Syarikat Automotive Solutions disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang berlangsung di kedai kereta mewah baharu, Syarikat Automotive Solutions, betempat di Unit 5-8, Block 'B', Higher Point Qlap, Simpang 88, Kampung Kiulap.

BERAKAS, Ahad, 30 Jun 2019 -Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam berangkat melancarkan **Sambutan Hari Olimpik 2019** yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Turut berangkat ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Aliiyah Amalul Bulqiah. Pada setiap 23 Jun, Negara Brunei Darussalam menyertai seluruh dunia menyambut Hari Olimpik bagi memperingati kelahiran Hari Olimpik Moden pada 23 Jun 1894 di Paris. Sambutan Hari Olimpik 2019 dianjurkan oleh BDNOC dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi meraikan Hari Olimpik Sedunia. Pelbagai kegiatan sukan diadakan sebagai satu riadah dan amalan cara hidup sihat yang boleh disertai oleh semua lapisan masyarakat. Konsep sambutan sebegini di hasrat akan dapat menzahirkan kesedaran mengenai pentingnya 'fair play', sukan untuk masyarakat dan sukan untuk kesihatan. Inilah nilai-nilai utama Olimpik yang perlu dikembangluaskan pada setiap masa.

Sumber Berita: Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan : Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar: Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto: Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh, Ak Zainorisnan Pg Othman, Penerangan (infofoto), bruneinews.worldtimes.news,